


e-Filing Tahun Taksiran 2021 bermula Mac ini

Mahaizura Abd Malik
mahaizura@hmetro.com.my



Kuala Lumpur: Pembayar cukai boleh mengemukakan Borang Nyata Tahun Saraan 2021 dan Tahun Taksiran 2021 melalui e-Filing bagi Borang E, BE, B, M, BT, MT, P, TF dan TP bermula 1 Mac ini.

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dalam kenyataan hari ini berkata, sistem e-Filing boleh diakses melalui portal rasmi LHDN di <http://www.hasil.gov.my>.

Katanya, pembayar cukai yang mendaftar masuk buat kali pertama perlu mendapatkan nombor PIN terlebih dahulu dengan hadir di kaunter cawangan LHDN atau secara dalam talian menerusi Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDN manakala yang terlupa kata laluan, boleh menetapkan semula kata laluan baharu melalui e-mel atau nombor telefon bimbit berdaftar dengan LHDN.

"Bagi yang menghadapi masalah, mereka boleh menghubungi Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 (dalam negara) dan +603-8911 1100 (luar negara) atau mengunjungi kaunter perkhidmatan LHDN berhampiran.

"Pembayar cukai disarankan untuk mengemukakan Borang Nyata dan membayar cukai pendapatan mereka dalam tempoh yang ditetapkan.

"Status penghantaran Borang Nyata, proses bayaran balik, e-Lejar dan PCB boleh disemak melalui MyTax," kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu lagi, pembayar cukai turut dinasihatkan untuk memastikan semua dokumen seperti penyata pendapatan, resit, invois dan dokumen lain berkaitan cukai pendapatan dikumpulkan, disusun dengan kemas dan disimpan dengan rapi sekurang-kurangnya untuk tempoh tujuh tahun seperti yang diperuntukkan mengikut Seksyen 82 dan 82A Akta Cukai Pendapatan 1967.

"Ia perlu dilakukan sebagai persediaan untuk memudahkan proses mengisi e-Filing dan semakan pematuhan oleh HASIL pada masa hadapan," katanya.

Maklumat lanjut boleh didapati di <http://www.hasil.gov.my> atau menerusi https://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/ProgramMemfailBN_2022_1.pdf untuk capaian pantas